

Headline	PM jumpa semua KSU hari ini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 May 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	1034 cm ²
Journalist	RASDAN AHMAD	AdValue	RM 26,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,811




Tun Mahathir jumpa semua KSU hari ini

- Perdana Menteri akan beri penjelasan fungsi dan peranan kerajaan baharu Pakatan Harapan
- Kerajaan tidak mahu menteri-menteri terlibat dalam amalan rasuah

MASA depan 1.6 juta penjawat awam di Malaysia akan diketahui selepas Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir Mohamad bertemu dengan semua Ketua Setiausaha (KSU) kementerian hari ini bagi menjelaskan fungsi dan peranan kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan.

Dr. Mahathir memberitahu, sesi itu akan digunakan untuk memberi penjelasan mengenai apa yang akan dilakukan kerajaan baharu khususnya dalam menentang rasuah dalam pentadbiran kerajaan.

"Saya serta kerajaan baharu ini sangat bertegas dalam hal tersebut kerana tidak mahu menteri yang dilantik terlibat dalam amalan korupsi," katanya pada sesi penerangan kepada RTM dan *Bernama* di kediaman beliau di Seri Kembangan, Selangor semalam.

Mengenai pelantikan menteri Kabinet baharu pula, Dr. Mahathir berkata, pengumuman mengenainya akan dilakukan secepat mungkin.

Ujarnya, Kabinet lengkap itu tidak akan melebihi 30 orang menteri.

BANGUNAN Perdana Putra yang menempatkan pejabat Perdana Menteri di Putrajaya. Dr. Mahathir dijangka bertemu dengan semua Ketua Setiausaha kementerian hari ini.

Kelmarin, Dr. Mahathir menamakan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Dalam Negeri; Presiden Parti Amanah Negara, Mohamad Sabu sebagai Menteri Pertahanan, dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail pula dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

TOKOH TERBILANG MALAYSIA NASIHAT KABINET PAKATAN HARAPAN

Perdana Menteri lantik lima individu termasuk billysair Tan Sri Robert Kuok untuk menganggotai Majlis Perasihat Kerajaan

KERATAN Kosmo! semalam.

BERITA DI MUKA 2

Headline	PM jumpa semua KSU hari ini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 May 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	1034 cm ²
Journalist	RASDAN AHMAD	AdValue	RM 26,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,811

Dr. Mahathir akan beri penjelasan mengenai misi kerajaan baharu dan isu rasuah

PM jumpa semua KSU hari ini

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan berjumpa dengan semua Ketua Setiausaha (KSU) kementerian hari ini bagi menjelaskan mengenai fungsi dan peranan yang akan dibawa oleh kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan (PH).

Dr. Mahathir berkata, sesi perjumpaan tersebut akan digunakan untuk memberi penjelasan mengenai apa yang akan dilakukan kerajaan baharu terutamanya mengenai cara menentang rasuah dalam pentadbiran kerajaan.

"Esok (hari ini) saya akan menemui semua KSU kementerian dan menerangkan kepada mereka apakah hasrat kita dan apa yang akan kita lakukan khususnya berkaitan rasuah.

"Saya serta kerajaan baharu ini sangat bertegas dalam hal tersebut kerana tidak mahu menteri yang dilantik terlibat dalam amalan korupsi," kata beliau dalam sesi penerangan kepada Bernama dan RTM di kediaman beliau di Seri Kembangan, Selangor semalam.

Pertemuan tersebut dijadual bermula pada pukul 9 pagi di Yayasan Kepimpinan Perdana Putrajaya. Pertemuan Perdana Menteri dan semua KSU itu ekoran Dr. Mahathir sebelum ini memberitahu, Kabinet baharu kerajaan PH akan dikesilkan dengan beberapa kementerian yang mempunyai 1.6 juta penjawat awam akan digabungkan.

Kelmarin Dr. Mahathir menamakan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Dalam Negeri;

Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) Mohamad Sabu sebagai Menteri Pertahanan manakala Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan.

Mengulas lanjut, Pengerusi PH itu menjelaskan sejak kempen pilihan raya umum, parti gabungan pembangkang tersebut telah menerima sumbangan yang banyak untuk membiayai pilihan raya itu dan kini setelah dipilih rakyat menjadi kerajaan, segala bentuk sumbangan dan derma tidak boleh diterima mana-mana pihak melainkan dengan keizinan atau dimaklumkan kepada Kabinet.

"Kadang-kadang ada orang ramai bagi sumbangan dalam bentuk hadiah. Hadiah yang boleh diberi adalah dalam (bentuk) makanan, tetapi bukan dalam (bentuk) barangan bernilai.

DR. Mahathir pada sesi penerangan kepada Bernama dan RTM di kediaman beliau di Seri Kembangan, Selangor semalam.



DR. Mahathir akan bertemu dengan semua Ketua Setiausaha Kementerian di Putrajaya hari ini bagi memberi penjelasan mengenai misi kerajaan baharu di bawah pimpinan kerajaan Pakatan Harapan. – Gambar hiasan

INFO

Senarai Ketua Setiausaha (KSU)

Ketua Setiausaha Negara: Tan Sri Ali Hamsa

Kementerian Kewangan: Tan Sri Mohd. Irwan Serigar Abdullah

Kementerian Pertahanan: Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan: Datuk Seri Jamil Salleh

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan: Datuk Mohammad Mentek

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar: Datuk Azizan Ahmad

Kementerian Kerja Raya: Datuk Seri Zohari Akob

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi: Datuk Seri Mohd. Azhar Yahaya

Kementerian Dalam Negeri: Datuk Seri Alwi Ibrahim,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia: Tan Sri Sharifah Zarah Syed Ahmad

Kementerian Pengangkutan: Datuk Seri Saripuddin Kasim

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air: Datuk Seri Zaini Ujang

Kementerian Luar Negeri: Datuk Ramlan Ibrahim

Kementerian Pendidikan: Datuk Seri Alias Ahmad

Kementerian Pendidikan Tinggi: Tan Sri Noorul Ainur Mohd. Nur

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah: Datuk Borhan Dolah

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri: Datuk Seri Jayasiri Jayasena

Kementerian Wilayah Persekutuan: Datuk Seri Adnan Md. Ikshan

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan: Datuk Rashidi Hasbullah

Kementerian Kesihatan: Datuk Seri Chen Chaw Min

Kementerian Belia dan Sukan: Datuk Lokman Hakim Ali

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat: Datuk Suriani Ahmad

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Datuk Seri Ismail Bakar

Kementerian Sumber Manusia: Datuk Mohd. Gazali Abas

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi: Datuk Yogeeyaran Kumaraguru